

Sistem percukaian negara alami perubahan

MOHD. NIZOM SAIRI

■ CYBERJAYA 10 JULAI

SISTEM percukaian negara telah mengalami pelbagai perubahan sejajar dengan arus perkembangan zaman dan teknologi terkini.

Jika dahulu, penghantaran borang cukai dibuat secara manual menggunakan borang yang kemudiannya diletakkan di dalam satu kotak khas yang diletakkan di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berhampiran.

Tetapi kini boleh dibuat secara dalam talian sekali gus tidak akan mengambil masa yang terlalu lama, malah memudahkan orang ramai tanpa perlu ke pejabat LHDNM.

Demikian perubahan trans-

la sangat penting kerana secara tidak langsung dapat meningkatkan piawaian organisasi ke tahap lebih tinggi selaras visi menjadi pentadbir cukai terunggul dalam menyumbang kepada pembangunan negara."

formasi dilaksanakan LHDNM agar memberi ruang secukupnya kepada masyarakat

membuat segala urusan berkaitan cukai termasuk tuntutan bayaran balik.

Mengulas perkara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) LHDNM, Datuk Mohd. Nizom Sairi berkata, usaha tidak terhenti di situ sahaja kerana terdapat pelbagai transformasi yang perlu dilakukan pihaknya.

Sehubungan itu katanya, Transformasi Hasil adalah perubahan proses kerja, model perniagaan dan teknologi dengan mengaplikasikan kecekapan di dalam era digital ekonomi.

"Kita akan memastikan perubahan akan berlaku demi menyesuaikan organisasi ini mengikut peredaran zaman serta perubahan semasa.

"Ia sangat penting kerana secara tidak langsung dapat meningkatkan piawaian organisasi ke tahap lebih tinggi selaras visi menjadi pentadbir cukai terunggul dalam menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Pada masa sama, Mohd. Nizom memberitahu, Transformasi Hasil bertujuan memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, meningkatkan infrastruktur mengikut keperluan dan teknologi terkini.

"Yang paling penting memudahkan penyeliaan dan pemantauan melalui sistem serta menambah produktiviti dan kecekapan," katanya.

Mohd. Nizom juga berkata, perkhidmatan elektronik LH-

DNM akan terus dipertingkatkan termasuklah kemudahan *e-Filing* untuk memberi kemudahan pembayar cukai menguruskan percukaian mereka.

Menurut beliau, perluasan *e-services* atau *e-perkhidmatan* kini dibuat menggunakan pelbagai platform seperti aplikasi mudah alih dan aplikasi web.

"Sebagai contoh, kemudahan *e-Filing* mampu memudahkan urusan ejen atau wakil sah kepada pembayar cukai di mana mereka boleh mengemukakan borang secara dalam talian.

"Selain itu, sistem ini akan memaparkan maklumat pembayaran cukai seperti kedudukan cukai dan lejar (bayaran) secara *real time*," katanya.

Kerjasama semua pihak dalam mentransformasi

CYBERJAYA 10 Julai - Dalam mendepani transformasi sistem percukaian negara, kerjasama pelbagai pihak amat penting ke arah memantapkan tadbir urus kewangan kerajaan.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai agensi yang dipertanggungjawab mengawal selia pentadbiran percukaian di negara ini amat berharap penglibatan semua pihak termasuk sektor swasta dalam mencapai hasrat tersebut.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) LHDNM, Datuk Mohd. Nizom Sairi menjelaskan, pihaknya sebenarnya telah bersedia menambahbaik sistem cukai sama ada dari segi tenaga kerja dan sistem dalam talian.

Ujar beliau, antara langkah

itu adalah menggabungkan *e-Filing*, *e-Daftar* dan *e-Borang* dalam sistem bersepadu yang dikenali sebagai MyTax.

"Jika sebelum ini, ia dilakukan secara berasingan, jika anda ingin mengemukakan borang nyata cukai, kena klik *e-Filing*, begitu jua sebaliknya.

"Namun dengan MyTax segalanya kini dalam satu sistem dan sekali gus memudahkan orang ramai," katanya.

Selain itu, Mohd. Nizom juga memberi contoh di Korea Selatan, apabila negara itu mewajibkan setiap syarikat untuk menghantar butiran transaksi dalam talian seperti pembayaran bil kepada agensi percukaian.

"Misalnya apabila rakyat Korea Selatan ingin membuat bayaran hospital, mereka



tidak perlu lagi mengemukakan resit ketika memohon pelepasan cukai.

"Segalanya berada di dalam pangkalan data dan ia memudahkan orang ramai," katanya.

Mohd. Nizom menambah, pendekatan itu secara tidak langsung mengamalkan *zero tax refund policy* di mana orang ramai tidak perlu lagi membuat tuntutan.

"Mereka hanya melakukan semakan mereka telah membayar atau mendapat pelepasan cukai, tidak perlu lagi bersusah payah mengemukakan resit.

"LHDN ke arah pendekatan ini dan kami telah pun bersedia, namun ia perlu melibatkan kerjasama semua pihak untuk berbuat demikian.

"Walaupun bagaimanapun, katanya, ia juga berbalik kepada usaha sama dengan pihak yang terlibat," katanya.

Menurut Mohd. Nizom, dalam mencapai usaha itu, antara langkah perlu diambil LHDNM adalah perkong-

sian data antara agensi dan pelaksanaannya melibatkan pertukaran teknologi lama ke baharu.

Katanya, LHDNM komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dengan misi untuk memberikan perkhidmatan percukaian yang cemerlang.

"Dalam erti kata lain, kami tidak mahu berlaku kelompangan atau ketirisan dalam sistem percukaian negara sekali gus dapat meningkatkan kutipan cukai pendapatan dan akhirnya membawa manfaat kepada pembangunan.

"Maka tidak wujud lagi orang mengelak dan ingin melarikan daripada membayar cukai, kerana segala maklumat ada tercatat dalam pangkalan data," katanya.